

25/06/1997

Moccis sedia skim Al-Murabahah

MOCCIS Trading Sdn Bhd (Moccis Trading) memenuhi komitmennya untuk membeli barangan elektrik keluaran tempatan, jenama MEC daripada Malaysia Electric Corporation Sdn Bhd (MEC) bernilai RM5 juta baru-baru ini.

Dalam kenyataan di Kuala Lumpur, baru-baru ini, Moccis Trading berkata, pembelian itu untuk membolehkan ahlinya membeli barangan elektrik yang bermutu dengan skim pembayaran mudah.

Moccis Trading akan menyediakan skim pinjaman Al-Murabahah yang menawarkan pelbagai kemudahan seperti kelulusan dalam tempoh 24 jam, tiada bayaran pendahuluan dan faedah dikenakan.

Skim itu juga terbuka kepada kakitangan kerajaan dan kakitangan terpilih daripada sektor swasta.

Kenyataan itu menambah, pembelian itu dibuat pada hari pelancaran produk keluaran tempatan, jenama MEC di Bandar MEC, Gambang, Pahang Mac lalu.

Komitmen perjanjian awal pembelian itu dimeterai di antara Pengurus Besar Moccis Trading, Mohd Zaini Mohd Ariff dan Presiden MEC, Tan Sri Teong Teck Leng sambil disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, sebagai balasan ke atas sokongan Moccis Trading kepada barangan keluaran tempatan, MEC Sales and Service Sdn Bhd akan mengadakan pameran dan promosi percuma di tiga cawangan Moccis Trading di Kompleks Campbell, Danau Kota dan Shah Alam.

Ketika ini, Moccis Trading mempunyai 17 cawangan sedia ada di seluruh negara.

(END)